

Tun M pertahan pesawat disabotaj

SINAR HARIAN

29 APRIL 2018

JANATUL FIRDAUS YAACOB

LANGKAWI – Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad mempertahankan dakwaannya bahawa pesawat sewa khasnya menuju Langkawi disabotaj dengan niat menghalang beliau daripada hadir ke pusat penamaan calon.

Dr Mahathir berkata, susulan insiden tayar depan pesawat dinaikinya tidak dapat bergerak lurus telah di ambil perhatian serius oleh Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

“Semalam saya maklumkan kepada media tentang kejadian itu, hari ini CAAM anggap tuduhan saya sebagai serius.

“Saya tak tuduh CAAM, sebaliknya saya ingin menyatakan apa yang berlaku dan ia diakui oleh CAAM sendiri, mereka tahu pesawat itu tidak dapat terbang, adakah ia berpunca daripada perbuatan sabotaj ataupun tidak, tidak boleh ditentukan oleh CAAM sebelum siasatan,” katanya ketika majlis bertemu pengundi Langkawi yang dihadiri kira-kira 500 orang di Dewan Ho Peng, di Kuah, malam tadi.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menganggap insiden itu sengaja dilakukan kerana niat untuk menghalangnya daripada menjadi calon Parlimen Langkawi.

“Apabila saya tak dapat terbang dengan pesawat rosak, jadi saya ada tiga orang kawan yang mempunyai pesawat persendirian, saya hubungi mereka untuk minta pinjam. Tetapi salah seorang daripada mereka maklumkan dapat amaran oleh pihak tertentu agar tidak bagi saya pinjam pesawat mereka kepada saya.

“Nampaknya seolah-olah ada pihak yang tahu kerosakan pada pesawat yang saya nak naik tu dan cuba memastikan tidak ada pesawat lain yang boleh saya pinjam, supaya saya tidak dapat terbang ke Langkawi,” kata Mahathir.

Beliau memaklumkan, roda depan pesawat terbabit tidak dapat bergerak lurus dan melencong apabila dipandu.

Hal demikian, bekas perdana menteri itu berkata, kerosakan pesawat kelmarin satu perkara yang serius baginya.

“Ada orang mungkin sengaja tak nak saya datang ke Langkawi untuk penamaan calon, tapi nasib baik ada kawan yang nak terbang dari Kuala Lumpur ke Singapura sanggup bertukar arah penerbangannya untuk saya datang ke Langkawi.

“Kalau CAAM kata saya buat tuduhan serius, ya memang serius. Jika saya tak dapat daftar diri sebagai calon maka, saya tak dapat bertanding PRU14 ini, jadi ia laluan mudah kepada BN,” jelasnya.

Terdahulu, CAAM dalam satu kenyataan memaklumkan hasil siasatan mendapati pesawat itu mengalami masalah kebocoran udara dari roda hidung sebelah kiri pesawat, Bombardier Challenger CL60 yang berdaftar di bawah Malta 9H-VFD dikendalikan Vista Jet Limited.

Dalam perkembangan lain, berhubung lima wakil calon Harapan yang dibatalkan pencalonnya dalam proses penamaan calon semalam, Dr Mahathir pihaknya akan membawa perkara itu ke mahkamah.

“Tak tentu sebab ada calon Harapan yang dihalang daripada mendaftar sebagai calon Harapan. Kita dapati sebab tak berasas dan kita akan tentukan untuk bawa kes ini ke mahkamah,” katanya.

Lima calon Harapan itu ialah Tian Chua (PKR, Parlimen Batu), Piji Jihat (Bersatu, Dun Penaga), Mohd Azihan Che Seman (PKR, Dun Tawang) dan Mohd Hafidz Amran (PKR, Dun Kuala Balah).

© 2018 All Rights Reserved • Karang kraf Group Media • © 2018 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karang kraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/politik/tun-m-pertahan-pesawat-disabotaj-1.827899>